



KERAJAAN MALAYSIA
LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK
JABATAN PERTANIAN, SEMENANJUNG MALAYSIA

PENGUMUMAN PEPERIKSAAN

PEMAKAI RACUN MAKHLUK PEROSAK & PEMBANTU PEMAKAI RACUN MAKHLUK PEROSAK BIL 2 / 2016

TARIKH PEPERIKSAAN : 30 NOVEMBER 2016

TEMPAT PEPERIKSAAN : KLUMPUR, Sabah & Sarawak

TARIKH PERMOHONAN DIBUKA : 04 OKTOBER 2016

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 21 OKTOBER 2016

Kategori peperiksaan dan syarat-syarat adalah seperti berikut:-

1. PEPERIKSAAN PEMAKAI RACUN MAKHLUK PEROSAK

- (a) Masa peperiksaan : terbahagi kepada tiga (3) bahagian:-
- Bahagian I (*Objektif*) – 8.45 – 9.45 pagi
 - Bahagian II (*Subjektif*) – 10.15 – 11.15 pagi;
 - Bahagian III (*Amali*) – 11.45 – 12.45 tengah hari

SYARAT PERMOHONAN

Calon-calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Sekurang-kurangnya tamat mengikuti Tingkatan Lima atau yang setaraf dengannya; **atau**
- (b) Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja sebagai **Pembantu Pemakai Racun Makhluk Perosak berlesen** dalam sesuatu syarikat atau perniagaan yang mengendalikan kawalan makhluk perosak; **dan**
- (c) Fi peperiksaan sebanyak **RM150.00** melalui draf bank/kiriman wang/kiriman pos dibayar kepada *Ketua Pengarah Pertanian Semenanjung Malaysia*.
- (d) Dua keping gambar berukuran pasport yang terbaru

2. PEPERIKSAAN PEMBANTU PEMAKAI RACUN MAKHLUK PEROSAK

- (a) Masa peperiksaan : terbahagi kepada dua (2) bahagian:-
- Bahagian I (*Objektif*) - 2.00 - 3.30 petang; dan
 - Bahagian II (*Amali*) - 4.00 - 5.00 petang

SYARAT PERMOHONAN

Calon-calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Mempunyai sekurang-kurangnya kelulusan dalam Tahun Enam; **atau**
- (b) Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman bekerja sebagai seorang pekerja yang terlibat dalam pemakaian racun makhluk perosak dalam sesuatu syarikat atau perniagaan yang mengendalikan kawalan makhluk perosak; **dan**
- (c) Fi peperiksaan sebanyak **RM100.00** melalui draf bank/kiriman wang/kiriman pos dibayar kepada *Ketua Pengarah Pertanian Semenanjung Malaysia*.
- (d) Dua keping gambar berukuran pasport yang terbaru

CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui laman sesawang <http://www.doa.gov.my> atau <http://www.doa.gov.my/e-Perkhidmatan>
- (b) Semua permohonan hendaklah mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- (c) Permohonan yang tidak lengkap atau diterima selepas tarikh tutup permohonan **AKAN DITOLAK**.
- (d) Sebarang maklumat dan keterangan lanjut boleh didapati dari **Bahagian Kawalan Racun Perosak, Jabatan Pertanian, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur** (Tel: 03-20301400 /1462 / 1463 / 1464 / 1468 / 1469)

Nota:

- Lembaga Racun Makhluk Perosak berhak untuk menghadkan jumlah bilangan calon dan menentukan kedudukan tempat peperiksaan sebenar kepada calon-calon yang layak. Sebarang rayuan mengenai peperiksaan ini **TIDAK AKAN DILAYAN**.